

OUT

U


# GEMPAK.

WEEKLY EDITION



## WATAR UTAMIA

YUNA & BUNGA CITRALESTARI





# YUNA X BCL

Akhirnya peminat dua penyanyi popular Yuna dan Bunga Citra Lestari boleh menghela nafas lega apabila terbitnya lagu Watak Utama yang dirilis baru-baru ini.

Siapa sangka dengan hanya mencipta kumpulan mesej saja ia mampu menghasilkan satu muzik yang 'fresh' sekali gus menonjolkan sisi berbeza dua penyanyi yang cukup gah di pentas antarabangsa itu.

"Perancangan ini bermula pada tahun 2021 lagi. Kami ada cipta satu 'group' mesej yang bernama Yuna X BCL. Tapi ketika itu kami tak tahu apa nak buat, lagu pun tiada lagi.

"Kemudian pada 2023 saya sangat sibuk dengan penghasilan Extended Play atau EP dan rakaman di studio. Jadi produser saya, Pierre Jamerson ada hasilkan satu lagu yang sangat comel. Pada saya lagu tersebut tidak sesuai dengan EP saya, jadi saya minta untuk tulis sesuatu, saya tulis dalam Bahasa Inggeris tapi rasa tak sesuai. Jadi saya minta kebenaran untuk tulis dalam Bahasa Melayu.

"Bila saya menyanyi lagu tersebut dalam Bahasa Melayu saya rasa macam nak ajak Bunga lah. 'Let me show this to Bunga and see what she said'. Saya jarang nak mesej dia sebab dia sangat sibuk.

"Jadi Bila saya mesej dia dan hantar lagu tersebut, selepas beberapa minit dia dengar terus dapat mesej 'Can I have it'.

"Saya terkejut dia sukaan lagu itu, Alhamdulillah terjadilah Watak Utama.


Saya rakam di Los Angeles dan Bunga di Jakarta. 'The rest is history', " ujarnya.

Meskipun bergelar ipar atau biras, Bunga Cintra Lestari menyifatkan kolaborasi sulungnya bersama Yuna itu sangat sukses. Biarpun terpaksa menangguhkan pelancaran lagu yang sepatutnya dirilis pada tahun lalu kerana jadual yang padat, Bunga menyifatkan ia adalah momen paling istimewa buatnya dan Yuna.

"Saya sangat gembira akhirnya lagu ini dah keluar. Untuk bersama Yuna yang juga biras saya dan sebagai penyanyi, saya rasa kami perlukan sesuatu bersama. Kerja bersama Yuna sangat mudah kerana saya tahu apa yang dia mahu seperti itu juga apa yang saya mahu. 'Its easy and nice. She's very talented, I adore her so much'.

"Ketika rakaman saya perlu tahu untuk nyanyikan lagu itu supaya tak berbunyi seperti Yuna. 'It's fun, its very special kerana dengan Yuna iaitu keluarga saya sendiri. Ia sebuah momen yang istimewa. Ketika bekerja Yuna dan BCL itu adalah sebuah jenama tetapi selepas itu kami adalah keluarga.

"Being sisters and being in one family itu adalah bonus. Mana lagi nak jumpa biras yang menyanyi bersama dan saya pasti ramai peminat yang menantikan kolaborasi kami ini. Jadi inilah masanya," ujarnya. - KHAIRUL KHUSYAIRI





# EVOLUSI FESYEN YUNA

YUNA, karyawan tempatan yang berjaya menembusi pasaran muzik antarabangsa diyakini dengan vokal yang unik serta sentuhan magis dalam penghasilan lagu.

Yuna juga sering mencuri tumpuan melalui gaya fesyen yang berinovasi. Evolusi fesyen Yuna dari awal kemunculannya sehingga kini mencerminkan pertumbuhan peribadi dan profesionalnya, serta menjadi inspirasi bagi ramai wanita, terutamanya hijabi di seluruh dunia.

## **Awal Karier: Minimalis & Sederhana**

- Gaya hijab minimalis dan praktikal.
- Fesyen kasual indie dan bohemian, sering menyuaipadankan t-shirt dan jeans.

## **Eksperimentasi Gaya di Amerika Syarikat**

- Bereksperimen dengan gaya fesyen lebih berani dan eklektik selepas berpindah ke Amerika Syarikat.
- Hijab disesuaikan dengan fesyen barat namun tetap mempertahankan modesty.

## **Ikon Fesyen Global**

- Diakui sebagai ikon fesyen hijabi global, tampil di majalah seperti Vogue dan A Book Of Magazine.
- Muncul di beberapa acara antarabangsa misalnya People's Choice Awards, Anugerah Grammy dan banyak lagi.

## **Pengaruh Fesyen**

- Menginspirasi wanita berhijab untuk bereksperimen dengan fesyen tanpa menggadaikan identiti.
- Membuka jalan bagi wanita berhijab dalam hiburan dan fesyen antarabangsa.

## **2024: Bold dan Berani**

- Fesyen lebih matang dan berani, dengan warna, corak, dan tekstur yang unik.
- Evolusi gaya hijab dari minimalis ke turban yang lebih artistik dan inovatif.

## Mogul Hip Hop Yang Bertukar Monster, Sikap Keji Sean Diddy Combs 'Dibogelkan'

Bukan artis atau selebriti namanya jika tidak hadir bersama segudang kontroversi. Hollywood kini digegarkan dengan pendedahan demi pendedahan tentang kejinya seorang Sean Diddy Combs yang pernah dipuja sebagai rapper disegani.

Kini segala tentang mogul Hip Hop itu semuanya buruk belaka. Dari kisah dadah sehingga pemerdagangan manusia dan seks, merogol, melakukan kekerasan ataupun penderaan terhadap ratusan mangsa, semua dibogelkan.

Pendedahan sikap keji Diddy bersama penemuan ribuan botol minyak pelincir di kediamannya termasuk di Miami dan Florida yang diserbu juga menyedarkan khalayak bahawa apa yang disiarkan media bukan propaganda menjatuhkannya tapi pembuktian dia sebagai 'monster' yang telah menjahanamkan masa depan banyak orang terutama wanita.

Sisi keji pelantun I'll Be Missing You pertama kali didedahkan pada November 2023.

Diddy, 54, pertama kali dituduh bekas pasangannya, Cassie sebagai individu yang memukulnya dengan biadab, memberi dadah, membiarkan dirinya diperkosa lelaki lain dan dirogol sewaktu mahu memutuskan hubungan pada 2018.

Pemilik nama sebenar Sean John Combs itu bagaimanapun menafikan sekerasnya dakwaan tersebut dan segera menyelesaikan masalah yang timbul.

Namun dakwaan demi dakwaan berkaitan salah laku seks terus dibuat oleh ramai wanita membuatkan pemenang Grammy Awards 1998 itu sukar diselamatkan sehingga ditangkap di New York sewaktu bercuti baru-baru ini.



'Kerja' Diddy juga tidak hanya tertumpu kepada wanita, namun dia didakwa pernah tidur dan melakukan keganasan seks kepada rakan lelaki lain termasuk atlet.


Dia juga terkenal dengan pesta liar yang dianjurkan berhari-hari digelar Freak Off. Antara nama selebriti terkenal dunia yang terseret sama pernah hadir kesalahan acara yang dianjurkan Diddy termasuklah aktor Leonardo DiCaprio.

Terkini, Diddy berdepan dakwaan merakam video seks secara haram apabila mangsa ke-11, Thalia Graves tampil menceritakan kisah hitam yang masih menghantuinya.

Di atas semua kejahatan dan kekejaman yang dilakukan, Diddy akhirnya terpaksa meringkuk di penjara sementara menunggu prosiding mahkamah terhadapnya berjalan.

Jika disabit kesalahan, Diddy yang sekurangnya berdepan lapan dakwaan pemerdagangan seks akan menerima hukuman minimum 15 tahun atau penjara seumur hidup.

Skandal jenayah Diddy ini menjadi bukti bahawa kuasa, masyhur, populariti boleh memakan diri. - MALIAH SURIP



## Nasi Kandar Malaysia Terbaik Di Dunia



Perkongsian pemenang Masterchef Indonesia musim kelima, Chef Stefani Horison atau Fani yang mendakwa Nasi Kandar dari Malaysia 'berpasir' kerana menggunakan rempah serbuk mengundang perdebatan dalam kalangan pengguna media sosial dan penggemar makanan popular ini.

Ironi Nasi Kandar yang terkenal dengan pelbagai jenis lauk daripada sotong sehingga kurma yang dipadankan kuah kari melimpah telah disifatkan sebagai makanan tradisional dan kebanggaan Malaysia.

Berasal dari Pulau Pinang dan dimashyurkan oleh peniaga India Muslim perkataan Nasi Kandar timbul sewaktu kelihatan penjaja nasi menjinjing (mengandar) tiang yang menggantung dua bekas nasi.

Buat bukan penggemar Nasi Kandar berikut antara premis terkenal yang menyajikan hidangan wajib cuba sekali seumur hidup supaya tahu bahawa Nasi Kandar Malaysia adalah yang terbaik di dunia!



### Nasi Kandar Hameediyah

Macam 'berdosa' jika penggemar Nasi Kandar tidak pernah mencuba atau menikmati Nasi Kandar Hameediyah yang terkenal di Pulau Pinang. Nasi Kandar Hameediyah adalah nasi kandar tertua di Pulau Pinang. Ia pertama kali diperkenalkan pada tahun 1907 di bawah sepohon pokok di Lebuh Campbell, Penang. Kini Nasi Kandar Hameediyah mempunyai taburan cawagan termasuk di kawasan segitiga emas Kuala Lumpur.



### Nasi Kandar Pelita

Bukan asing menyebut Nasi Kandar Pelita sebagai port pertemuan dan melepak sekaligus mengisi perut dengan pelbagai menu yang menyelerakan. Sama seperti asal usul nasi kandar yang lain, Nasi Kandar Pelita juga berasal dari Pulau Pinang, tepatnya di Taman Chai Leng, Perai, Penang. Mula diusahakan pada 1 Julai 1995, Nasi Kandar Pelita kita merupakan pemilik cawangan tersebar nasi kandar di Malaysia. Malah Nasi Kandar Pelita juga boleh dicari Chennai, India.




### Nasi Kandar Sulaiman

Selain menu yang menggoda, nasi kandar juga sering dikaitkan dengan harga 'kayangan' atau mahal. Dan pada Jun lalu seorang TikToker memecah rekod individu dengan membayar sehingga RM300 sewaktu menikmati sepinggan nasi kandar di Nasi Kandar Sulaiman. TikToker dengan nama Zermatt Neo itu memadam rekod sepinggan nasi kandar yang pernah dibelanjakan iaitu RM218. Selain terkenal dengan premis di bawah flat di Penang, Nasi Kandar Sulaiman juga mempunyai cawangan di Kuala Lumpur. - MALIAH SURIP



Risang Wisangko, seorang pengumpul barang antik, meninggal dunia dan mewasiatkan rumahnya dijadikan muzium. Nina melantik Sandra, Hanna, dan David untuk mengurus renovasi, sementara Prof Dirga dan Mayang mengurus barang antik. Mereka menemui keris terkutuk di ruang bawah tanah. Sandra tanpa sedar terluka dan keris itu menyerap darahnya, dan kejadian aneh mula berlaku, menyebabkan Sandra berada dalam keadaan tidak terkawal.



Armand, teman lelaki Roxana, secara tidak sengaja membunuh seorang pengintip sesat, Rizz, selepas perlawanan tinju. Mereka melarikan diri dengan rasa bersalah, tetapi dua pekerja ambulans tiba dan menukar mayat Rizz dengan emas dari seorang bomoh. Bomoh tersebut membuat perjanjian dengan jin jahat, Pak Walok, dan menghidupkan kembali Rizz sebagai Sumbaleweng, boneka pembunuhan. Tujuannya adalah menculik Roxana dan membunuh sesiapa yang menghalangnya. Roxana akan ditayangkan di Astro First.



Ainun mendapati bapa kandungnya, Abah Mulya, sebenarnya adalah seorang guru yang mengajar ajaran sesat. Mampukah Ainun memimpin mereka kembali ke jalan yang benar?

## Amin Abid, Steph Beauty & Fathi Hussein Ungguli GMW

Pasangan adik-beradik kembar Amin dan Abid menduduki carta teratas Gempak Most Wanted (GMW) pada minggu ini menerusi beberapa video inovatif yang dikongsikan mereka di platform media sosial. Nor Padilah, Lynd Nakemu, Sam Lim, dan Bang Med mengikuti rapat mereka.

Manakala, video random berkonsepkan social experiment Steph Beauty berjaya menambat hati pengguna meletakkannya di tangga teratas kategori Digital Creator Trending (Hiburan).

Sementara itu, guru matematik popular Fathi Hussein kembali mencuri tumpuan dengan kandungan digital dalam kategori Digital Creator Trending (Motivasi/Pendidikan).

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

### DIGITAL CREATOR TRENDING (LIFESTYLE)

- 1 Amin Abid
- 2 Nor Padilah
- 3 Lynd Nakemu
- 4 Sam Lim
- 5 Bang Med

### DIGITAL CREATOR TRENDING (ENTERTAINMENT)

- 1 Steph Beauty
- 2 Ryan Bakery
- 3 SharkmanZ
- 4 Shak
- 5 Sofyank

### DIGITAL CREATOR TRENDING (MOTIVATION/EDUCATION)

- 1 Fathi Hussein
- 2 Muhammad Noor
- 3 Zack Kirana
- 4 Tun Laila
- 5 Dr Kenneth Wong

### SELEBRITI TRENDING

- 1 Jazmy Juma
- 2 Meerqueen
- 3 Scha Elinnea
- 4 Erysha Emyra
- 5 Sean Lee



## Ternyata Sebuah Bahagia Kisah Ketabahan Suami Isteri

Drama Ternyata Sebuah Bahagia terbitan Suhan Movies memaparkan kisah seorang lelaki yang hampir dijemput ajal, diberi peluang kedua untuk kembali ke pangkal jalan dan kini berhadapan cabaran dalam membimbangi keluarganya.

Ternyata Sebuah Bahagia menampilkan barisan pelakon handal seperti Che Puan Sarimah Ibrahim, Zamarul Hisham, Datin Elvina Mohd, Myra Afrina dan Lorenzo Irmann.

Drama siri ini bakal bersiaran di slot Tiara, pada 23 September, setiap Isnin hingga Jumaat, jam 6 petang menerusi saluran Astro Ria (Saluran 104) dan strim menerusi platform On Demand, Astro GO dan sooka.

## Jai Jerung Dalam Versi Sticker Animasi

Dari Mata Turun Ke Hati kini hadir dengan animasi sticker khas yang menampilkan momen ikonik, termasuk watak Jai Jerung. Pelekat ini memeriahkan perbualan peminat dengan tangkapan detik romantik dan lucu.

Drama ini mengisahkan Jai, yang jatuh cinta dengan Iris Sofea yang mengalami masalah penglihatan, serta perjuangan mereka untuk mengatasi cabaran hidup. Saksikan kisah cinta mereka dan kongsi pengalaman anda dengan sticker animasi ini!

Sticker percuma ini boleh dimuat turun di platform pemesejan dan disertai ajakan menonton semula drama di Astro GO atau sooka.





## Tak Kisah Wardrobe Malfuction, Aisha Retno Tetap "Slay"

Bukan saja mampu menarik penonton dengan suara lunaknya malah kreativiti yang dipersembahkan oleh penyanyi, Aisha Retno kepada penonton mampu membuat mereka terkesima.

Walaupun bajunya patah dan tumit kasut tercabut, pelantun lagu Samudera itu tetap berikan persembahan yang bertenaga untuk tontonan peminatnya pada malam Samudera Release Party Conference, pada Selasa.

Aisha atau nama sebenarnya, Sharifah Aisha Retno Sayed Sipulijam dia sendiri tidak menyedari perkara itu berlaku.

"Saya tak sedar perkara itu berlaku, hanya mengetahuinya apabila Daniel (host) memberi tahu mengenainya semasa di atas pentas," katanya.

Aisha telah melancarkan lagu Samudera pada 13 September 2024 dan mendapat lebih 50,000 strim di laman YouTube. - ASYRAF ROSLAN

## Showcase Sulung Bernadya Bikin Peminat Galau 'Healing'

Pertama kali mengadakan siri mini showcase di Malaysia, penyanyi asal Indonesia, Bernadya berjaya menggegarkan pentas The Bee Publiku dengan 11 buah lagu yang menghiasi ruang udara pada malam Rabu lalu.

Sepanjang mini showcase, penyanyi berusia 20 tahun itu ternyata meninggalkan kesan 'galau' kepada lebih 900 peminat yang hadir dengan seleksi lagu popularnya termasuk Kita Kubur Sampai Mati, Siapnya Hidup Tetap Harus Berjalan, Ambang Pintu, Berlari, Lama-Lama, Untungnya, Hidup Harus Tetap Berjalan, Terlintas, Satu Bulan dan Apa Mungkin.

Malah, bait-bait lirik yang dilontarkan, penyanyi dan penulis lirik yang mahir memetik gitar itu jelas 'melekat' dalam sanubari penonton sehingga tidak puas melayani perasaan.

Menutup malam dengan cemerlang, pemenang Anugerah Muzik Indonesia 2013 itu meletakkan lagu single sulungnya berjudul Apa Mungkin sebagai penutup konsert.

Sekadar info, Bernadya atau nama penuhnya, Bernadya Ribka Jayakusuma berada Malaysia untuk melengkapkan tour Berjalan di lima kota dengan Kuala Lumpur sebagai destinasi terakhir. - UMIRAH HALIM

Kredit foto: Bangsawan Pictures




# 14 Malaysian States Reimagined Through Iconic Movie Posters

APOM (A Piece of Malaysia) has launched the #Empatbelas2024 collection, reimagining iconic movie posters with a local twist to represent each of Malaysia's 14 states.

The artworks creatively merge global cinematic themes with unique elements from Malaysian culture.

Featured works include Negeri Sembilan's take on "Everything Everywhere All at Once" and Sabah's "Lord of the Cincin," celebrating local heritage and diversity. These designs are showcased at Semua House and are available as merchandise like T-shirts and posters for a limited time.



## Zoo Faces Backlash for Disguising Dogs as Pandas

A zoo in China was accused of painting dogs to resemble pandas after visitors noticed that the animals did not behave like typical pandas. The zoo has faced criticism for misleading the public by displaying the dogs as pandas in a petting area.

While zoo officials claimed they were simply creating a unique experience, many questioned the ethical implications of disguising the dogs. The incident sparked discussions on social media about animal treatment and transparency in zoos.



## Phua Chu Kang Returns!

Gurmit Singh, the actor behind the iconic character Phua Chu Kang, is making a comeback with a new musical comedy show in Kuala Lumpur.

In this upcoming performance, fans can expect the classic humor and wit of Phua Chu Kang, but with a fresh twist suited for a musical stage format.

Gurmit shares his excitement about returning to the stage and engaging with audiences once again, hinting at new surprises and plenty of laughter. The show promises a nostalgic yet refreshed experience for longtime fans.